



IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
JABATAN OPERASI CUKAI
MENARA HASIL, ARAS 12
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8,
63000 CYBERJAYA
SELANGOR

Telefon : 03-83138888

Faks : 03-83137853

: 03-83137854

: 03-83137855

Laman Web: <http://www.hasil.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LHDN.01/32.1/248/3/6/Klt.45

Tarikh : 19 Ogos 2015

CHARTERED TAX INSTITUTE OF MALAYSIA (CTIM)
UNIT B-13-1, BLOCK B (UNIT 1-5),
13TH FLOOR, MEGAN AVENUE II
NO. 12, JALAN YAP KWAN SENG
50450 KUALA LUMPUR

Tuan,

REQUIREMENT IN THE YEAR OF ASSESSMENT 2015 INCOME TAX RETURN FORM FOR COMPANIES (FORM C) TO PROVIDE THE DATE OF COMMENCEMENT OF OPERATIONS

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan bertarikh 13 Julai 2015 berkenaan perkara di atas.

2. Pengisian Ruangan 'Tarikh Mula Beroperasi'

Adalah dimaklumkan bahawa ruangan 'Tarikh mula beroperasi' telah ditambah dalam borang nyata cukai pendapatan (BNCP) syarikat mulai Tahun Taksiran 2015. Penambahan ruangan ini bertujuan untuk mengemas kini profil pembayar cukai syarikat kerana terdapat sebilangan besar syarikat yang tidak mengisi maklumat tersebut sebelum ini ataupun maklumat yang diisi didapati tidak tepat. Walaupun pengisian ruangan ini adalah TIDAK mandatori, namun Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia berharap agar semua syarikat akan memberi kerjasama dengan mengisi ruangan ini terutamanya dalam BNCP Tahun Taksiran 2015. Syarikat yang telah mengemukakan maklumat ini dalam BNCP bagi sesuatu tahun taksiran tidak perlu lagi mengisi ruangan tersebut bagi tahun-tahun taksiran selepas itu.

- 2.1 Bagi syarikat yang mempunyai pelbagai perniagaan yang bermula operasi pada tarikh yang berlainan, hanya tarikh perniagaan yang pertama sekali memulakan operasi perlu diisi.
- 2.2 Penggunaan 'Tarikh ditubuhkan' sebagai 'Tarikh mula beroperasi' tidak digalakkan kerana tarikh mula beroperasi adalah diambil kira untuk tujuan cukai pendapatan. Bagi kebanyakan syarikat, tarikh penubuhan adalah jauh lebih awal daripada tarikh mula beroperasi.

3. Definisi 'Syarikat Berkait' (Related Companies)

Maksud 'syarikat berkait' dalam BNCP syarikat merujuk kepada Perenggan 5 dalam Garis Panduan Pindahan Harga 2012 [*Transfer Pricing Guidelines 2012 (TPGL 2012)*]. Perenggan 5.1 dalam TPG 2012 menyatakan bahawa 'syarikat berkait' atau syarikat dalam kumpulan yang sama ditakrifkan di bawah subseksyen 2(4) Akta Cukai pendapatan 1967 (ACP 1967) iaitu:

"Where -

- (a) two or more companies are related within the meaning of section 6 of the Companies Act, 1965;
- (b) a company is so related to another company which is itself so related to a third company;

...../2

(c) *the same persons hold more than fifty per cent of the shares in each of two or more companies; or*

(d) *each of two or more companies is so related to at least one of two or more companies to which paragraph (c) applies,*

all the companies in question are in the same group for the purposes of this Act."


Definisi 'syarikat berkait' hendaklah konsisten dengan ACP 1967 dan pertimbangan definisi (*deliberation of the definition*) boleh didapati dalam TPGL 2012.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(SOHAIMI BIN SABRI)

Pengarah

Bahagian Operasi Dasar

Jabatan Operasi Cukai

b/p Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia